

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia berstatus Bumiputera (Jawatan Pentadbiran) yang berkelayakan dalam bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan Tetap/Kontrak di UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

#### A. JAWATAN PENTADBIRAN

KAMPUS	BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
					MINIMUM	MAKSIMUM
<b>KUMPULAN PELAKSANA</b>						
UiTM KAMPUS REMBAU	1.	PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN	S29	PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN	RM 1,493.00	RM 5,672.00

#### JAWATAN PENTADBIRAN

##### 1. PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN (GRED :S29)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) Warganegara Malaysia;
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c)
    - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,493.00);  
atau
    - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,493.00);  
atau
    - (iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,493.00);  
atau
    - (iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,770.95).

#### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Belia dan Sukan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Belia dan Sukan Gred S29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  - (a)
    - (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);
    - (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan

- (b) Had umur pelantikan:
- (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

#### SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

4. Keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai pengalaman dalam kegiatan-kegiatan belia dan sukan.

#### CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- a. Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian di pautan:  
<https://pengambilancns.uitm.edu.my/>
- b. Sekiranya anda **TERPILIH** untuk ditemuduga, sila bawa bersama dokumen asal dan satu (1) salinan borang yang telah dicetak dan disahkan ke sesi temuduga. Sekiranya dokumen lengkap tidak dikemukakan, panggilan temuduga ini akan terbatal. Dokumen-dokumen yang telah disahkan hendaklah dikepulkan mengikut susunan berikut:
- i. Borang Permohonan
  - ii. Kad Pengenalan
  - iii. Sijil Kelahiran
  - iv. Sijil SPM/MCE, HSC/STPM/STAM atau setaraf
  - v. Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, PhD (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)
  - vi. Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
  - vii. Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada/terdahulu untuk mengambilkira pengalaman kerja/penetapan gaji
  - viii. Salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan/badan berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat).
  - ix. Dokumen berkaitan yang dipohon
- c. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
- d. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

Tarikh iklan dikeluarkan pada 2 JUN 2023 dan tarikh tutup permohonan adalah pada 16 Jun 2023 (Jumaat) sebelum jam 5.00 petang.